



29 JUN, 2020

## Geran Agropreneur Muda bantu usahawan kembangkan perniagaan

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### Geran Agropreneur Muda bantu usahawan kembangkan perniagaan

**MELAKA** - Usahawan muda perlu merebut pelbagai geran yang disediakan kerajaan bagi membantu perniagaan mereka berkembang maju.

Pemilik Kedai Kek Zowa, Eravaizura Salleh, 35, berkata, rugi sekiranya usahawan muda mensiasati peluang tersebut.

"Saya bersyukur kerana permohonan Geran Agropreneur Muda (GAM) yang dibuat mendapat kelulusan sebanyak RM15,000 di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) pada tahun 2017.

"Dengan adanya bantuan yang diberikan dari segi peralatan seperti penyejuk, ia membantu saya menghasilkan lebih banyak produk kek dan



ERAVAIZURA



RIDZWAN HAFIZD



AZWARI

kek tidak cepat cair," kata ibu kepada dua anak ini kepada *Sinar Harian* di sini kelmarin.

Eravaizura yang berasal dari Sibu, Sarawak mengusahakan kek keju di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh di sini berkata, selain bantuan peralatan, beliau turut menerima bantuan dari segi kewangan dan kursus bagi memperkasakan perniagaan

yang diusahakan.

Sementara itu, pengusaha sos keju berasal dari Chin Chin, Jasin di sini, Ridzwan Hafizd Rosli, 29, berkata, melalui program GAM, beliau mampu menghasilkan sos yang lebih berkualiti melalui ilmu yang dikongsikan, selain peralatan bantuan bernilai RM15,000 pada

tahun 2016 seperti mesin pengisar.

"Bantuan yang paling penting di bawah program ini adalah nasihat dan motivasi yang diberikan daripada kerajaan serta pihak Mardi.

"Jika sebelum ini saya hanya menghasilkan sos keju yang boleh bertahan dua minggu tetapi dengan bantuan GAM, saya kini mampu menghasilkan sos yang boleh bertahan

sehingga lapan bulan," katanya yang mengusahakan perniagaan di kawasan perindustrian Halal Hub dekat Serkam di sini.

Pengusaha kambing bakar, Azwari Che Ab Ghani, 36, pula berka-ta, bantuan peralatan berjumlah RM10,000 memberi banyak manfaat kepada dia yang dahulu bekerja sebagai mekanik di Kuala Lumpur.

Menurutnya, bantuan tersebut dapat mengukuhkan dan mempelbagaikan lagi perniagaan kambing bakar beliau sehingga berjaya menghasilkan kambing bakar sejuk beku.

"Bermula dengan berniaga dari Pasar Tani FAMA, kini saya mampu meluaskan perniagaan dengan membuka restoran berdasarkan kambing seperti nasi arab dan kari kambing," katanya yang berasal dari Kelantan.



29 JUN, 2020

## Geran Agropreneur Muda bantu usahawan kembangkan perniagaan

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MELAKA - Usahawan muda perlu merebut pelbagai geran yang disediakan kerajaan bagi membantu perniagaan mereka berkembang maju. Pemilik Kedai Kek Zowa, Eravaizura Salleh, 35, berkata, rugi sekiranya usahawan muda mensiasiakan peluang tersebut. "Saya bersyukur kerana permohonan Geran Agropreneur Muda (GAM) yang dibuat mendapat kelulusan sebanyak RM15,000 di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) pada tahun 2017.